



## KENYATAAN MEDIA

### PENJELASAN TENTANG FOTO DAN AUDIO MENGENAI PEMUSNAHAN LEMBU POSITIF TUBERKULOSIS YANG DITULARKAN

Pada 4 Mac 2018 (Ahad), foto-foto kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) sedang memusnahkan dan menanam beberapa ekor lembu dan satu rakaman suara telah ditularkan. Rakaman audio yang ditularkan menggunakan Bahasa Tamil dan Inggeris di mana terjemahannya berbunyi seperti berikut: *"kawan-kawan, sebuah berita penting, kawan saya panggil daripada Jabatan Haiwan, wabak besar berlaku iaitu lembu betina dijangkiti virus TB. Jadi virus TB ini tidak boleh diubati, maka itu mereka sedang asingsingkir, mereka membunuh semua lembu yang berkenaan. Jadi kamu, susu lembu atau berkaitan susu, yang minum di kedai-kedai susu lembu, tolong elak. Dan virus ini nampaknya hingga 1,000 darjah pun tidak boleh dibunuh. Maka itu, lembu-lembu Selangor hampir 7,000 - 8,000 lembu telah dibunuh. Oleh itu, sila elak, jika perkara ini berjangkit kepada manusia, tiada penawar, mati!"*

Foto-foto itu menunjukkan beberapa orang kakitangan DVS Selangor sedang menanam sembilan ekor lembu tenusu yang telah disingkirkan (kaedah euthanasia) mengikut prosedur yang telah digariskan dalam Protokol Veterinar Malaysia: Tuberkulosis. Foto-foto ini dirakam di Sg. Nilam pada 10 Januari 2018 dan 21 Februari 2018. Sebenarnya, ini adalah prosedur dalam Program Survelan dan Kawalan Penyakit Haiwan.

DVS telah menetapkan bahawa ternakan yang dijangkiti penyakit TB tidak akan dirawat tetapi perlu disingkirkan mengikut piawaian yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Dunia (OIE). Penyingkiran ternakan positif TB adalah sebagai langkah kawalan untuk mengelakkan penularan penyakit tersebut dan pampasan akan dibayar mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Kenyataan 7,000 hingga 8,000 ekor lembu telah diasingsingkir dalam rakaman audio berkenaan adalah tidak benar. Berdasarkan rekod DVS Selangor, bilangan lembu tenusu positif TB yang telah disingkirkan dari 2015 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Bilangan lembu positif TB dimusnahkan (ekor)			
2015	2016	2017	2018
<b>18</b>	<b>68</b>	<b>57</b>	<b>11</b>

Berdasarkan data bancian DVS Selangor 2016, bilangan lembu tenusu di negeri ini adalah sebanyak 5,775 ekor.

Oleh yang demikian umum tidak perlu risau tentang susu dan daging yang dihasilkan. Ianya selamat diminum dan dimakan.

Disediakan oleh;

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia  
05 Mac 2018